

## **SOALAN LAZIM – Program *My Journey***

### **FREQUENTLY ASKED QUESTIONS – *My Journey***

**1. S: Siapakah yang layak untuk menyertai program *My Journey*?**

**J:** Semua pengguna Rel Rapid KL layak untuk menyertai program ini dengan syarat pengguna mesti menggunakan perkhidmatan mana-mana *e-hailing* untuk ke stesen LRT/MRT dan Monorel.

**2. S: Adakah pengguna My50 layak untuk menyertai program ini?**

**J:** Ya. Pengguna My50, MyCity Pass dan pemegang kad konsesi adalah layak untuk menyertai program ini.

**3. S: Adakah pengguna bas perantara Rapid KL dan kenderaan persendirian juga layak menyertai program ini?**

**J:** Pengguna Bas Perantara Rapid KL, bas GO KL dan pengguna kenderaan persendirian tidak layak untuk menyertai program ini.

**4. S: Bagaimanakah cara untuk menyertai program *My Journey* ini?**

**J:** 1) Pengguna perlu mendapatkan kad *My Journey* di kaunter stesen LRT/MRT atau Monorel.

2) Pengguna perlu mengimbas kod QR *My Journey* di Kaunter Khidmat Pelanggan di stesen untuk mengisi butiran lengkap.

3) Pengguna perlu mengemukakan salinan resit *e-hailing* dan kad *My Journey* bagi tujuan pengesahan di kaunter stesen.

4) Pegawai Khidmat Pelanggan di stesen akan memberikan cop apabila pengesahan selesai.

5) Pengguna perlu mengumpul cop ini sehingga cop ke 6, 12 atau 18 sebelum menebus ganjaran yang di tawarkan.

**5. S: Apakah ganjaran yang akan diterima selepas melengkapkan kesemua cop pada Kad *My Journey*?**

J: Terdapat tiga (3) jenis ganjaran yang boleh ditebus iaitu:-

- a. Satu (1) Token perjalanan Sehalal =6 cop Rapid KL
- b. Satu (1) Pas MyCity 1 Hari =12 cop Rapid KL
- c. Satu (1) Pas MyCity 3 hari =18 cop Rapid KL

**6. S: Adakah saya perlu mengemukakan salinan cetak resit *e-hailing* apabila memohon cop kepada Pegawai Khidmat Pelanggan?**

J: Anda boleh mengemukakan resit salinan cetak atau salinan digital untuk tujuan pengesahan

**7. S: Adakah Kad *My Journey* yang sudah lengkap dengan cop boleh dipindah milik kepada ahli keluarga dan rakan-rakan?**

J: Boleh, Kad *My Journey* boleh dikongsikan kepada ahli keluarga dan rakan-rakan untuk menebus mana-mana ganjaran yang ditawarkan.

**8. S: Di manakah saya boleh mengisi butiran peribadi diri sebelum menyertai *My Journey*?**

J: Anda boleh mengimbas Kod QR di mana-mana stesen rel atau melalui laman sesawang [www.rapidkl.com/fmlm](http://www.rapidkl.com/fmlm) untuk mengisi butiran peribadi anda